

122

NO. SOALAN: 243

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN
ABBAS [TELOK KEMANG]**

RUJUKAN : 10447

SOALAN:

**Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) rancangan Kerajaan dalam mencari formula baru terhadap ancaman dadah dalam kalangan remaja Malaysia yang boleh mengakibatkan gejala sosial dan jenayah; dan
- (b) pendekatan Kerajaan terhadap gejala pengedaran dadah bentuk baru seumpama 'gula-gula' atau 'candy' dalam kalangan pelajar sekolah yang boleh memperdayakan mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Dasar Dadah Negara mempunyai 5 teras utama iaitu Teras Pencegahan, Teras Rawatan dan Pemulihan, Teras Penguatkuasaan, Teras Kerjasama Antarabangsa dan Teras Pengurangan Kemudaran.

Selain itu, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melaksanakan usaha memerangi dadah habis-habisan melalui Program Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH) melibatkan aktiviti:

- (i) *Omnipresence*;
- (ii) *Ops Cegah*;
- (iii) *Ops Bersepadu / Ops Sarang*;
- (iv) *Media*;
- (v) *Ikon Antidadah*; dan
- (vi) *Community Empowerment*.

Pada masa sama, aktiviti lain seperti program-program khusus di bawah strategi pencegahan dadah terus dijalankan dengan lebih meluas seperti Keluarga Bebas Dadah, Institusi Pendidikan Bebas Dadah, Tempat Kerja Bebas Dadah dan Komuniti Bebas Dadah melalui *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) dengan Kementerian / Jabatan / Agensi lain.

(b) Polis Diraja Malaysia (PDRM) memandang serius isu pengedaran dadah di dalam negara dan sentiasa mengambil tindakan berterusan bagi membanteras aktiviti pengedaran dadah. Berkaitan isu pengedaran dadah gula-gula atau "*candy*" di kalangan pelajar sekolah yang tular baru-baru ini, tiada sebarang kes tangkapan dan rampasan dibuat terhadap pelajar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

SOALAN : 244

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-

- a) bilangan penumpang dan kargo yang diangkut oleh KTM dalam tempoh 5 tahun yang lalu; dan
- b) jumlah pendapatan dan keuntungan atau kerugian KTM dan sasaran bilangan penumpang dan jumlah kargo untuk projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dapat mengaut keuntungan.

126

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

- a) Pada masa ini KTMB menyediakan tiga (3) jenis perkhidmatan tren untuk penumpang iaitu Perkhidmatan ETS, Komuter dan Antarabandar. Statistik bilangan penumpang dan volum kargo yang diangkut oleh KTMB dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Bilangan Penumpang (Juta orang)	Jumlah Volum Kargo (Juta tan)
2012	39.1	6.1
2013	48.2	6.6
2014	50.9	7.1
2015	53.8	6.2
2016	47.8	6.0

- b) Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, KTMB mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM691.5 juta dan jumlah keuntungan sebanyak RM8.9 juta.

Setakat ini, rangkaian ECRL akan dikendalikan oleh Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRLSB), sebuah anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan, Diperbadankan. Penentuan pengendali perkhidmatan di rangkaian ECRL masih lagi dalam pertimbangan MRLSB. Oleh itu,

KTMB tidak dapat merangka sebarang unjuran atau sasaran bilangan penumpang dan kargo bagi rangkaian ECRL.